



(24) KPKT/BPK/19/7/4 Klt. 28

22 Mac 2010

SIARAN MEDIA

JOHOR TERIMA GERAN TAHUNAN PBT RM32.383 JUTA

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memperuntukan geran tahunan sebanyak **RM32.383 juta** kepada PBT Negeri Johor pada tahun 2010 , kata Dato' Seri Kong Cho Ha, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Katanya, Sejar dengan Akta Pemberian Kepada Negeri (Penyelenggaraan Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan) 1981, (Akta 245), Kementerian ini juga memperuntukan sebanyak **RM 7.197 juta** sebagai Sumbangan Membantu Kadar bagi membantu PBT di negeri ini dalam membuat perancangan awal berkaitan dengan perbelanjaan mengurus bagi mempertingkatkan perkhidmatan kepada pembayar cukai.

Kata Kong, Sebanyak 14 buah PBT iaitu Majlis Bandaraya Johor Bharu, Majlis Perbandaran Johor Bharu Tengah, Majlis Daerah Pontian, Majlis Daerah Tangkak, Majlis Perbandaran Muar, Majlis Perbandaran Kluang, Majlis Daerah Simpang Renggam, Majlis Daerah Kota Tinggi, Majlis Daerah Mersing, Majlis Perbandaran Kulai, majlis Perbandaran Batu Pahat, Majlis Daerah Yong Peng, Majlis Daerah Segamat, Majlis Daerah Labis dan setiap PBT menerima geran tahunan antara RM800,000 hingga RM5 juta.

Katanya lagi, dalam RMKe-9 Kerajaan telah memperuntukan sebanyak RM **1.892 billion** kepada Negeri Johor bagi melaksanakan projek-projek kecil di PBT dan sehingga 31 Disember 2009 Negeri Johor telah membelanjakan RM312.72 juta (98.62%) iaitu RM317.1 yang diperuntukan dan diluluskan kepada negeri ini bagi melaksanakan projek-projek kecil (BP.1), Projek Pembangunan Penempatan Tradisional dan Tersusun dalam kawasan PBT (BP.6) serta Projek Kemajuan Perkampungan Kampung Baru (BP.31).

Tambahnya, daripada **RM368.2 juta** yang telah diperuntukan kepada PBT-PBT seluruh negara pada 2009, Johor telah menerima sebanyak RM **67.41 juta (18%)** dan sehingga Disember 2009 sebanyak **RM 63.35 juta (94%)** telah dibelanjakan bagi **melaksanakan 649 projek di seluruh PBT Negeri Johor.**

Beliau berkata, di bawah Pekej Rangsangan Ekonomi Ke-2 KPKT telah menyediakan sebanyak RM 40.39 juta kepada Negeri Johor bagi membangunkan sebanyak 409 projek meliputi penyelenggaraan projek kecil dalam kawasan PBT, projek monsoon Drain/Roads/Potholes, penyelenggaraan projek kecil di penempatan tradisional dan tersusun dalam kawasan PBT serta projek kemajuan perkampungan kampung baru.

Katanya, selain daripada penyampaian geran tahunan kepada PBT Johor, KPKT juga telah menyediakan kemudahan sebuah Kompleks Pengangkutan Awam di bandar Pontian dengan kos sebanyak RM 3.4 juta dan ianya sekaligus akan menjadi hub pengangkutan awam bagi bas dan teksi di bandar ini.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Kong Cho Ha. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Di keluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 2 Blok K, Pusat Bandar Damansara, Peti Surat 12579, 50782 Kuala Lumpur. Tel: +60320992321, Faks: +60320956523; Email: pro@kpkt.gov.my. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim, Ketua Komunikasi Korporat jessy@kpkt.gov.my atau Encik Saleki Amat Januri ditalian mudah alih 016-6297481 atau emelkan ke saleki62@kpkt.gov.my atau Wan Zainal Shahrman di talian mudah alih 0196902862 atau emelkan ke zainal_shahriman@kpkt.gov.my